



# Merakyatkan SPRM



*“ Dasar dan hala tuju SPRM 2015 ini digubal dengan tujuan untuk meneruskan peningkatan keyakinan masyarakat melalui **merakyatkan SPRM** ke arah pengurangan tahap rasuah di Malaysia. ”*

*~ Tan Sri Abu Kassim Mohamed ~*

## Sidang **REDAKSI**

### **PENERBIT**

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

### **PENERBIT EKSEKUTIF**

Datuk Mustafar Ali

### **PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL**

Dato' Shamsun Baharin Mohd  
Jamil

### **KETUA EDITORIAL**

Mohamad Tarmize Abdul Manaf

### **EDITOR**

Faridah Mahabob

### **WARTAWAN**

Faridah Mahabob  
Siti Nor Khalilah

### **KONSEP DAN REKABENTUK GRAFIK**

Rozila Abdullah @ Romli

### **UNIT FOTO**

Rosman Abu Bakar  
Mohd Multazam Mohd Shuhaini  
Ahmad Faiz Md Isa

### **UNIT PENGEDARAN**

Azizi Arifin  
Yusof Muhamad Saberi

# KANDUNGAN

Sidang Redaksi **02**

Perutusan Ketua  
Pesuruhjaya **04**

Lensa **08**

Penubuhan Jawatankuasa  
Integrati Pengurusan  
Tabung dan Dana Banjir **12**

SPRM - NSTP  
Meterai MoU Program  
Latihan Silang **14**

**03** Pena Pengarang

**07** Lantikan Ahli Panel 2015

**10** Jenayah Ekonomi dan  
Perakaunan Forensik

**13** Melaka Negeri Pertama  
Lancar Sahabat Anti  
Rasuah

**15** Tandatangan Ikrar  
Integrati : Sarawak Jadi  
Negeri Pertama

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "informasi **Dikongsi Rasuah Dihindari**". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan institut pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara.



**Dato' Shamsun Baharin bin Mohd Jamil**  
*Penasihat Eksekutif Editorial*

## PENAPENGARANG

**TAHUN 2014** meninggalkan banyak peristiwa yang menyayat hati buat negara kita. Antaranya kehilangan pesawat MH370, nahas pesawat MH17, selain nahas pesawat AirAsia Indonesia QZ8501 dan di penghujung tahun negara kita ditimpa bencana banjir yang hampir melumpuhkan beberapa negeri di Pantai Timur dan Utara.

SPRM juga turut tidak terlepas dengan dugaan dan cabaran sepanjang tahun 2014. Namun, segala rintangan yang dihadapi itu memantapkan SPRM.

Tahun 2014 juga mencatatkan kejayaan kepada SPRM dan Malaysia umumnya apabila skor dan kedudukan Malaysia dan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) meningkat. Dalam indeks yang dikeluarkan Transparency International, Malaysia menduduki tempat ke-50 dengan skor 52 mata. Pencapaian ini merupakan yang terbaik sejak tahun 2004.

Kejayaan ini adalah hasil usaha berterusan SPRM dan agensi-agensi lain dalam pencegahan rasuah. Paling penting ia merupakan hasil sokongan masyarakat kepada usaha-usaha meningkatkan integriti, tadbir urus dan memerangi rasuah yang semakin giat dilakukan di seluruh Malaysia.

Kecemerlangan SPRM sudah pasti akan diteruskan. Pada tahun ini, pengurusan tertinggi SPRM telah menetapkan hala tuju yang jelas untuk SPRM. Dasar 'Merakyatkan SPRM' diperkukuhkan dengan empat strategi teras iaitu:

- *Pengurusan kes berprofil tinggi / berkepentingan awam secara efektif;*
- *Pengurusan isu secara efektif;*
- *Keterlibatan (engagement) strategik dengan pemimpin politik dan NGO; dan*
- *Keterlibatan (engagement) sektor swasta secara efektif.*

Strategi ini dibuat agar tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM terus meningkat kepada 70% berbanding 67.8% pada tahun 2014. Ia pasti boleh dicapai dengan kerja kuat kita semua.

Warga SPRM diseru untuk mempertingkatkan prestasi dan menyemarakkan semangat membara bagi memastikan matlamat menjadi organisasi terunggul di dunia menjadi realiti. Apa jua halangan dan ujian yang mendatang diharapkan tidak akan mematahkan semangat dalam usaha membanteras jenayah rasuah di negara tercinta ini.

Sekian, terima kasih.



# Perutusan KETUA PESURUHJAYA

## Sempena Tahun 2015

(Dalam Majlis Perhimpunan Bulanan SPRM)



Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya maka dapat kita berkumpul sempena dengan Majlis Perhimpunan Bulanan SPRM yang pertama pada tahun 2015 ini.

Bagi pihak pengurusan tertinggi, saya ingin merakamkan ucapan **Selamat Tahun Baru 2015** kepada seluruh warga SPRM.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada pasukan yang dibentuk bagi membantu pegawai-pegawai SPRM yang terlibat dengan bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang serta di negeri Perak, Johor dan Negeri Sembilan.

Buat pertama kalinya juga, pada hari ini, pengarah-pengarah bahagian dan negeri dijemput hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan dan seterusnya akan menandatangani Perjanjian *Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2015.

### PENCAPAIAN 2014

Secara keseluruhannya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas sokongan dan semangat kerja berpasukan yang telah ditunjukkan oleh seluruh warga SPRM di atas pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2014 yang lalu.

- **Indeks Persepsi Rasuah**

Kejayaan memperbaiki kedudukan dalam *Corruption Perceptions Index* (CPI) pada tahun 2014 di mana Malaysia memperbaiki kedudukan dari tangga ke-53 ke tangga 50 dan skor 5.0 kepada 5.2 mata, jelas menunjukkan tanda positif dan ia merupakan tapak yang baik untuk Malaysia terus memperbaiki kedudukan dalam CPI pada tahun-tahun akan datang.

Bagi menyokong usaha ini, SPRM akan terus gigih memastikan kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang di tahun-tahun yang akan datang dicapai dengan meneruskan inisiatif-inisiatif dan strategi pencegahan rasuah sedia ada.

- **Pencapaian KPI Ketua Pesuruhjaya**

KPI Ketua Pesuruhjaya yang ditetapkan bagi tahun 2014 ialah sebanyak 95 peratus. Pencapaian setakat hujung November 2014 ialah sebanyak 92.99 peratus dengan tidak mengambil kira aspek penilaian 360 darjah.

Pada tahun 2015, KPI akan ditentukan sehingga Tier ke-5 dan pada hari ini majlis menandatangani KPI akan dilaksanakan selepas perhimpunan bulanan.

Perlu diingatkan bahawa KPI ini hanya merupakan angka sasaran semata-mata. Walaupun ada di antara KPI pengarah bahagian / negeri yang mencapai melebihi sasaran (*Significant Target*), namun apa yang lebih penting bukan kuantiti yang diutamakan. Sebaliknya keberkesanan dan *ultimate outcome* iaitu peningkatan tahap keyakinan rakyat terhadap SPRM.

Tiada gunanya kita mencapai KPI dengan melebihi sasaran yang ditetapkan tetapi program / aktiviti / tindakan yang dilaksanakan tidak mendatangkan kesan terhadap tahap keyakinan rakyat kepada SPRM.

- **Tahap Keyakinan Terhadap SPRM**

Pengukuran kepada tahap keyakinan masyarakat Terhadap SPRM diukur menerusi Kajian Keberkesanan Tindakan SPRM yang dibuat pada setiap suku tahun oleh universiti tempatan yang dilantik.

Sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 ialah sebanyak 68 peratus. Dari segi pencapaian, kita telah mencapai tahap keyakinan sebanyak



67.8 peratus iaitu pengurangan sebanyak 0.2 peratus. Ia disebabkan oleh beberapa isu yang timbul dalam tempoh suku tahun ketiga termasuk kes yang melibatkan Teoh Beng Hock. Ini bermakna masih banyak perkara yang perlu dilipatgandakan bagi mencapai sasaran 70 peratus pada tahun 2015.

Angka sasaran 70 peratus ini hanya sekadar petunjuk, namun perkara asas yang paling penting ialah tahap rasuah di negara ini semakin menurun dan rakyat merasai dan melihat keberkesanan tindakan kita sehingga meningkatkan keyakinan mereka terhadap SPRM.

## DASAR DAN HALA TUJU

“Mempertingkatkan keyakinan masyarakat melalui merakyatkan SPRM ke arah pengurangan tahap rasuah di Malaysia dengan memberi fokus kepada dasar, strategi dan program yang memberi kesan besar kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM.”

## STRATEGI “MERAKYATKAN SPRM”

Empat teras utama di bawah strategi Merakyatkan SPRM adalah seperti berikut:

### 1 Pengurusan kes berprofil tinggi / berkepentingan awam secara efektif

Pengurusan kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam secara efektif. Sasaran bagi tahun 2015 adalah dengan memberikan tumpuan kepada tindakan tegas ke atas ‘orang tengah’ (*intermediaries*) yang dikatakan sebagai parasit dalam pelbagai projek dan proses urusan kerajaan.

Dengan ini saya mengisytiharkan bahawa tahun 2015, merupakan ‘TAHUN MEMERANGI ORANG TENGAH’. Justeru itu, semua bahagian dan negeri adalah diminta untuk memberikan fokus dan tumpuan ke atas isu yang melibatkan orang tengah dalam enam sektor berikut:

- Alam sekitar;
- Perolehan;
- Swasta (GLC dan Institusi Kewangan dan Perbankan);
- Penguatkuasaan;
- Penyeludupan; dan
- Gas dan minyak.

Penglibatan semua bahagian termasuk operasi, pencegahan dan Bahagian Komunikasi Strategik untuk menunjukkan kepada rakyat betapa pentingnya peranan dan tindakan SPRM sehingga rakyat benar-benar merasai hasil tindakan yang dilaksanakan.

### 2 Pengurusan isu secara efektif

Mengenal pasti dan mengurus secara efektif isu-isu panas yang akan memberikan kesan kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM secara keseluruhannya.

Mengurus kes-kes atau sebarang bentuk program / aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 secara efektif dan mampu memberi impak positif yang besar kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

### 3 Keterlibatan (engagement) strategik dengan pemimpin politik dan NGO

Mengenal pasti dan mengadakan program / aktiviti (*engagement*) dengan pemimpin-pemimpin politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpengaruh dan kritis terhadap SPRM bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan dengan telus, tepat dan benar.

Tindakan ini bukan sahaja akan meningkatkan pengetahuan pemimpin politik dan NGO terbabit tetapi juga meraih sokongan serta kerjasama mereka untuk mempertahankan kedudukan dan ketelusan SPRM terhadap sesuatu isu.

### 4 Keterlibatan (engagement) sektor swasta secara efektif

Tumpuan aktiviti operasi sektor swasta dengan memfokuskan kepada dua bidang utama iaitu *Government Link Companies (GLC)* dan institusi kewangan dan perbankan.

Manakala bagi aktiviti pencegahan, fokus khusus kepada *Regulatory Bodies* (seperti Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, BURSA Malaysia) dan *key communicators* dalam GLC dan institusi kewangan dan perbankan (seperti Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi).

## PENDEKATAN STRATEGIK (STRATEGIC APPROACH)

### • Low Cost High Impact

Tahun 2015 memperlihatkan cabaran besar negara terutama dari aspek ekonomi dan perdagangan antarabangsa. Kejatuhan harga minyak yang amat mendadak iaitu di bawah paras USD60.00 dan kemerosotan nilai Ringgit memberikan kesan besar kepada pendapatan negara secara keseluruhannya.

Langkah penjimatan perlu dilaksanakan dalam semua program / aktiviti SPRM secara keseluruhannya. Justeru itu, pendekatan strategik yang utama iaitu memberi fokus kepada penganjuran program / aktiviti bersifat *low cost high impact* akan menjadi teras kepada kelulusan bagi bajet penganjuran program / aktiviti setiap bahagian / negeri dan cawangan.

Bagi tahun 2015, SPRM hanya diluluskan bajet sebanyak RM101.4 juta untuk pelaksanaan program di bawah 20000 iaitu pengurangan sebanyak RM9 juta. Justeru itu, perancangan yang jitu harus dilaksanakan bagi memastikan kekurangan bajet ini tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan tugas sepanjang tahun 2015 ini

### • Pareto Principle (20 / 80 rule)

Dalam Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bil. 4/2014 yang lalu, saya telah menjelaskan pendekatan strategik kedua iaitu menggunakan kaedah Pareto Principle (20 / 80 rule)

Semua pengarah-pengarah bahagian / negeri yang menyediakan KPI masing-masing dikehendaki menggunakan pendekatan *pareto principle* dengan mematuhi prinsip-prinsip asas berikut:

- ✓ Menyenaikan dan mengkaji semula semua program/aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014;
- ✓ Mengenal pasti dan menyenarai pendek 20 peratus daripada program / aktiviti yang dilaksanakan yang memberikan impak besar terhadap rakyat;

Impak besar bermaksud : -

- ✓ Kesan yang amat mendalam kepada kehidupan rakyat;
- ✓ Kesan yang amat besar terhadap meningkatkan imej positif dan keyakinan rakyat terhadap SPRM.

#### • Pendekatan CPM

Satu lagi pendekatan penting yang harus diguna pakai oleh semua bahagian / negeri / cawangan ialah CPM.

CPM bermaksud;

<b>Communicate</b>	Mengadakan aktiviti <i>engagement</i> dengan kumpulan sasaran yang penting dan yang kritikal terhadap SPRM. Menerusi aktiviti <i>engagement</i> ini perbincangan ( <i>one to one</i> ) atau kumpulan kecil secara terbuka dan telus bagi membincangkan apa jua isu yang sering dibangkitkan oleh kumpulan sasaran. Menerusi aktiviti ini, semua jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan akan dijawab dan seterusnya meningkatkan pengetahuan mereka mengenai tindakan, kekangan atau cadangan pihak SPRM dapat difahami dengan jelas.
<b>Penetrate</b>	Mewujudkan saluran komunikasi antara SPRM dengan kumpulan sasaran seperti pemimpin politik pembangkang, pemimpin NGO (C4, Bar Council, Bersih). Hasil <i>engagement</i> yang telus akan mengubah persepsi mereka terhadap SPRM dan seterusnya mampu mengurangkan kritikan di media massa.
<b>Mobilize</b>	Pemimpin politik dan pemimpin NGO akan bertindak sebagai ' <i>defender</i> ' atau jurucakap SPRM dalam apa jua isu terutama mempertahankan tindakan SPRM jika dicabar oleh pihak lain. Mereka juga ada kalanya menjadi kumpulan pendesak kepada kerajaan untuk meluluskan pindaan undang-undang atau pertambahan bajet serta keanggotaan.

#### • Task Force

Bermula pada tahun 2015 ini semua bentuk tindakan khususnya operasi akan dilaksanakan secara berpasukan atau *task force* yang merangkumi pegawai-pegawai daripada pelbagai bahagian termasuk Siasatan, Operasi Khas, Perisikan, Pemeriksaan dan Perundingan dan Bahagian Komunikasi Strategik.

Budaya kerja secara 'silo' hendaklah dihentikan. Sebaliknya penglibatan dalam membuat perancangan dan pelaksanaan tindakan yang melibatkan pelbagai bahagian akan menghasilkan *outcome* yang lebih mantap, berkesan dan menyeluruh.

Ini jelas terbukti menerusi *task force* yang dilaksanakan di peringkat Jabatan Peguam Negara di mana hasil tindakan sesuatu operasi jauh lebih besar, berkesan dan menyeluruh.

Keempat-empat pendekatan strategik ini harus diaplikasikan dalam semua tindakan oleh bahagian / negeri / cawangan bagi mencapai *ultimate outcome* iaitu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap SPRM

#### PENUTUP

Dasar dan hala tuju SPRM 2015 ini digubal dengan tujuan untuk meneruskan peningkatan keyakinan masyarakat melalui merakyatkan SPRM ke arah pengurangan tahap rasuah di Malaysia. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar dan hala tuju ini, sokongan padu dan kerjasama semua warga SPRM adalah sangat penting.

Kejayaan dasar ini juga bergantung kepada kesediaan setiap warga untuk berubah selaras dengan perubahan yang berlaku di persekitaran. Sehubungan itu, dengan penetapan dasar dan hala tuju SPRM yang jelas bersandarkan kepada slogan 'Merakyatkan SPRM' bagi tahun 2015, jentera SPRM diharapkan berada di landasan yang lebih kukuh untuk merealisasikan visi dan misi SPRM pada tahun 2015.



# 26 Ahli Badan Bebas SPRM Terima Watikah Pelantikan

**PUTRAJAYA** 23 Februari 2015 - Seramai 26 ahli daripada tiga badan bebas yang memantau perjalanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menerima watikah pelantikan masing-masing. Watikah disampaikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

SPRM yang diwujudkan pada tahun 2009 mempunyai lima badan bebas iaitu Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Aduan (JKA), Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR). Penubuhan JKMR, LPPR dan JKA dibuat melalui Akta SPRM 2009. Manakala PPO dan PPPR ditubuhkan secara pentadbiran.

Daripada 26 ahli, 19 merupakan muka baru. Mereka yang dilantik akan menjadi ahli sama ada dalam JKA, PPO dan PPPR. Ahli ketiga-tiga badan ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin badan profesional, pertubuhan bukan kerajaan, golongan profesional, ahli-ahli akademik dan bekas pegawai tertinggi kerajaan.

Tempoh pelantikan ahli PPO adalah untuk dua tahun, ahli JKA (tiga tahun) dan PPPR (setahun).

Dato' Sri Mohd Najib menyifatkan peranan ahli-ahli badan bebas ini sangat penting dan signifikan dalam meningkatkan keupayaan SPRM sebagai sebuah suruhanjaya yang bebas.

"Kerajaan berpuas hati dengan peranan dan sumbangan ahli-ahli badan bebas ini. Kerajaan akan cuba melaksanakan pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh mereka bagi memperkasakan usaha pencegahan

rasuah," kata beliau.

Tambah beliau, mengambil kira peranan penting mereka, anggota yang dilantik ini terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran luas dan mewakili rakyat pelbagai lapisan.

Setiap badan bebas ini mempunyai peranan masing-masing yang memperlihatkan kebebasan SPRM. Misalnya, PPO boleh meminta penjelasan terhadap mana-mana kes yang dirujuk dan pada masa yang sama boleh mencadangkan agar sesuatu kes disemak semula.

Dalam pada itu, pengurusan tertinggi SPRM yakin pelantikan ahli baru ketiga-tiga badan bebas ini akan memperkukuhkan operasi dan perjalanan SPRM, sekali gus membantu mencapai visi SPRM iaitu mewujudkan masyarakat yang bebas daripada rasuah.

**"Ahli-ahli baru ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Justeru, SPRM yakin keberkesanan Suruhanjaya akan dapat dipertingkatkan bagi mencapai matlamat yang disasarkan dan selari dengan Akta SPRM 2009," kata Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.**

Tan Sri Abu Kassim turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli kelima-lima badan bebas yang akan tamat tempoh perkhidmatan mereka pada 24 Februari 2015.

Berikut senarai penuh ahli-ahli yang menerima watikah pelantikan:

## JAWATANKUASA ADUAN (Sesi 25 Februari 2015 hingga 24 Februari 2018)

1. **Tan Sri Datuk Amar Wilson Baya Dandot**  
- Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
2. **Datuk Muhammad Hatta bin Abd. Aziz**  
- Mantan Setiausaha Persekutuan Sabah
3. **Dato' Ahmad bin Said**  
- Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
4. **Puan Hajah Rohani binti Abdul Kadir**  
- Mantan Pengarah Pengurusan Sumber Manusia & Perkhidmatan Am, SPRM

## PANEL PENILAIAN OPERASI (Sesi 25 Februari 2015 hingga 24 Februari 2016)

1. **Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid bin Bugo**  
- Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
2. **Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar bin Hassan**  
- Pengerusi New Straits Times Press (M) Berhad
3. **Datuk Zamani bin Abdul Ghani**  
- Pengerusi Bank Islam Malaysia Berhad
4. **Datuk Azizah binti Haji Arshad**  
- Mantan Timbalan Ketua Audit Negara
5. **Dato' Wan Abdul Wahab bin Abdullah**  
- Mantan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam
6. **Profesor Dr. Normah binti Haji Omar**  
- Pengarah Institut Penyelidikan Perakaunan (UiTM)
7. **Dr. Sundramoorthy M. Pathmanathan**  
- Profesor Madya Fakulti Kriminologi, USM
8. **Lim Chee Wee**  
- Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia

## PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (Sesi 25 Februari 2015 hingga 24 Februari 2016)

1. **Tan Sri Johan bin Jaaffar**  
- Pengerusi Media Prima Bhd
2. **Tan Sri Dato' Sri Dr. Lim Kok Wing**  
- Presiden Universiti Limkokwing
3. **Datuk Dr. Marimuthu Nadason**  
- Presiden Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia
4. **Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Haji Yaacob**  
- Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf
5. **Dato' Profesor Dr. Engr. Chin Yew Sin**  
- Timbalan Setiausaha Agong Kehormat Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong)
6. **Dato' Zuraidah binti Atan**  
- Peguam bela & Peguam cara
7. **Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz**  
- Mantan Ketua Pengarah JAKIM
8. **Dato' Khalid bin Ibrahim**  
- Mantan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam
9. **Dato' Sharifah binti Mohd Ismail**  
- Presiden Institute of Marketing Malaysia
10. **Dato' Dr. Anwar bin Fazal**  
- Mantan Pengarah Kolej Right Livelihood, USM
11. **Profesor Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad**  
- Pensyarah Fakulti Perakaunan, UiTM
12. **Profesor Madya Dr Ismail bin Sualman,**  
- Pensyarah Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM
13. **Walter Sandosam,**  
- Mantan Presiden Institut Audit Dalaman Malaysia
14. **R. Nadeswaran,**  
- Pengarang The Sun Daily







Program merakyatkan SPRM Sahabat Anti Rasuah bersama masyarakat Melaka.



Datuk Mustafar memberi taklimat semasa Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat.



Ahli Panel Penilaian Operasi



Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah





Lawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM ke The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) sempena majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Penempatan Silang.

Lawatan delegasi Bangsamoro pada 22 Januari 2015.



Khusyuk.. audien yang hadir pada program nilai-nilai murni, Bicara Daie Selebriti : 'Dunia Di Mata Orang Akhirat' pada 30 Jan 2015.



Foto berkumpul pegawai SPRM dan Felcra sempena pelancaran program Integrity Champion.

Kadet SPRM turut menjadi sukarelawan dalam misi kemanusiaan Pasca Banjir SPRM.



Ahli Jawatankuasa Aduan

# JENAYAH EKONOMI DAN PERAKAUNAN FORENSIK

Oleh : Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

**R**eport to the Nations on Occupation Fraud & Abuse 2011, kajian yang dijalankan oleh Association of Certified Fraud Examiner (ACFE) menyenaraikan empat kategori jenayah ekonomi paling tinggi di Malaysia iaitu salah guna aset pejabat, fraud perakaunan, rasuah dan jenayah siber.

Menurut kajian yang sama, 44% responden Malaysia mengatakan mereka mengalami insiden jenayah ekonomi dalam organisasi mereka. Angka ini adalah peningkatan ketara berbanding 28% pada tahun 2009. Responden turut menyatakan kesan jenayah ekonomi antaranya menurunkan moral kakitangan (24%), merosakkan jenama dan reputasi syarikat (24%) dan menjejaskan hubungan perniagaan (17%). (*Association of Certified Fraud Examiner, Report to the Nations on Occupation Fraud & Abuse 2011*)

Antara bentuk penipuan kewangan (*financial fraud*) adalah memanipulasi rekod perakaunan dan penyata kewangan syarikat. Dalam jenayah ini, selalunya individu yang terlibat adalah pengurusan tertinggi syarikat dan akauntannya.

**Skandal Enron merupakan contoh klasik bagaimana laporan kewangan dimanipulasi untuk faedah syarikat. Daripada sebuah gergasi dunia, skandal tersebut membawa kepada kebangkrupannya pada Disember 2001. Sejak itu, Enron menjadi simbol jenayah fraud di sektor korporat. Skandal Enron turut mengheret Arthur Andersen, salah sebuah firma perakaunan terbesar dunia sehingga terpaksa menyerahkan lesennya sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 2002.**

Fraud kewangan menyebabkan kerugian besar kepada ekonomi. Skandal Enron sahaja menyebabkan kerugian sebanyak \$70 bilion melibatkan pelabur, pekerja dan pesara. Selain Enron, syarikat gergasi WorldCom, Global Crossing dan Tyco turut terjerumus dalam jenayah yang sama. Sekiranya dicampur, dianggarkan jumlah kerugian yang dialami adalah sekitar \$460 bilion.

Semua kes yang dinyatakan tadi memerlukan siasatan komprehensif yang tidak mungkin dapat dibuat melalui kaedah biasa. Tidak semua penyiasat mempunyai kemahiran menganalisa dokumen kewangan dengan baik. Siasatan memerlukan seseorang yang bukan sahaja mahir dalam perakaunan dan audit, tetapi mesti mahir membaca apa yang disembunyikan dalam sesuatu dokumen kewangan. Siasatan demikian memerlukan seorang akauntan forensik.

## ■ APAKAH ITU PERAKAUNAN FORENSIK?

Satu pandangan yang salah sekiranya menganggap tugas akauntan forensik, akauntan syarikat, juruaudit luar dan juruaudit adalah sama.

Perakaunan forensik adalah kombinasi perakaunan, audit dan penyiasatan. Menurut kamus Oxford, perakaunan forensik merujuk kepada penggunaan kemahiran perakaunan untuk menyiasat dan menyelesaikan kes fraud dan penipuan. Ia dilakukan melalui analisa mendalam secara kritikal dan penuh skeptikal ke atas dokumen kewangan syarikat. Proses siasatan dan analisa tersebut akan digunakan dalam prosiding undang-undang. (Oxford Dictionaries, 2012)

**Maksud perkataan 'forensic' sendiri didefinisikan oleh Webster' Dictionary sebagai "belonging to, used in or suitable to courts of judicature or to public discussion and debate". (Webster' Dictionary, 2012)**

Dalam siasatan, orang yang menjalankan analisa perakaunan forensik akan dipanggil memberi keterangan sebagai saksi pakar. Keterangan mereka amat penting apabila melibatkan analisa kewangan yang rumit dan kompliked.

Akauntan forensik mengoptimumkan kemahiran perakaunan, audit dan siasatan. Mereka juga mempunyai kemahiran bagi memastikan mahkamah memahami kaedah siasatan kewangan yang digunakan dan hasil analisa. Akauntan forensik mesti mempunyai pengetahuan yang baik dalam undang-undang tempatan bagi memastikan hasil analisa dapat diterima di mahkamah (*admissibility of evidence*).

## ■ AKAUNTAN FORENSIK, AKAUNTAN DAN JURUAUDIT

Akauntan forensik adalah seorang akauntan atau juruaudit. Tetapi akauntan atau juruaudit tidak semestinya seorang akauntan forensik.

Akauntan didefinisikan sebagai seorang yang berkelayakan dan terlatih dalam penyediaan akaun syarikat. Akauntan menyediakan laporan kewangan syarikat yang akan digunakan untuk membuat perancangan kewangan, keputusan,





pengauditan, percukaian dan peluang pelaburan. Fungsi utama perakaunan adalah menyediakan kepada syarikat maklumat kewangan yang jelas, komprehensif dan boleh dipercayai mengenai status kewangan syarikat.

Juruaudit pula adalah individu yang memeriksa dan mengesahkan rekod kewangan disediakan dengan mematuhi standard dan peraturan yang ditetapkan. Hasil audit yang dijalankan, juruaudit akan mengeluarkan pendapatnya sama ada laporan kewangan dipersembahkan secara betul atau tidak.

Akauntan dan juruaudit tidak bertanggungjawab mengesan fraud dalam sesebuah organisasi. Berbeza dengan akauntan forensik yang dilantik untuk menyiasat kewujudan fraud dan penipuan.

Akauntan forensik bukan sahaja melihat rekod kewangan, tetapi segala kemungkinan yang ada untuk memanipulasi rekod kewangan. Akauntan forensik memeriksa semua dokumen secara terperinci, mendalam dan melakukan temubual untuk mengumpul bukti.

Seseorang akauntan forensik mempunyai sikap soal siasat (*attitude of interrogative*), pemikiran yang penuh persoalan (*questioning mind*) dan penaksiran kritikal (*critical assessment*) apabila memeriksa sesuatu penyata kewangan. Bagi akauntan forensik, kemusykilan kecil pada penyata kewangan merupakan petunjuk untuk mereka menyiasat lebih mendalam.

## ■ PERANAN AKAUNTAN FORENSIK

Tidak dapat dinafikan peranan akauntan forensik dalam membantu menyelesaikan kes-kes jenayah ekonomi. Peranan akauntan forensik turut ditagih dalam dunia korporat. Contohnya apabila terdapat pertelingkahan (*dispute*) antara pemegang taruh dan rakan kongsi syarikat mengenai jumlah faedah dan pembayaran yang akan diterima.

Dalam kes perkahwinan, akauntan forensik dilantik untuk mengesan harta-harta yang cuba disembunyikan sama ada harta zahir atau tak zahir (*tangible and intangible assets*), juga bagi mengira segala tanggungan yang terbabit.

## ■ KES TERKENAL MELIBATKAN PERAKAUNAN FORENSIK

Andreas Xavier (2013) dalam artikelnya bertajuk '*The Most Well Known Forensic Accounting Cases*' menyenaraikan beberapa

kes yang melibatkan perakaunan forensik. Kisah paling klasik dan diingati adalah mengenai tewasnya mafia legenda Al-Capone kepada akauntan forensik Frank J. Wilson. Kes-kes lain antaranya:

### ➤ **Penceraian Sir Paul McCartney dan Heather Mills**

Apabila pasangan ini bercerai, terdapat pertelingkahan mengenai nilai kekayaan sebenar bekas bintang kumpulan Beatle itu. Sir Paul McCartney mengisytiharkan kekayaannya sebanyak £400 juta. Bagaimanapun, Heather Mills mendakwa kekayaannya adalah sekitar £800 juta. Heather Mills mengupah pasukan akauntan forensik untuk membuktikan dakwaannya.

Akhirnya, mahkamah memutuskan nilai harta Sir Paul McCartney adalah £450 juta. Heather Mills menerima tuntutan penceraian sebanyak £16.5 juta.

### ➤ **Penipuan Robert Maxwell**

Robert Maxwell, penerbit terkenal Eropah, terlibat dalam penipuan dana pemegang taruh, pelanggan dan ramai lagi. Semasa beliau meninggal dunia pada tahun 1991, syarikatnya mula goyang kerana kewangan syarikat diperoleh hasil penipuan dan fraud.

Pasukan akauntan forensik menghabiskan 14 tahun untuk menyelesaikan segala kekusutan yang ditinggalkan Maxwell. Akhirnya, pasukan tersebut melaporkan nilai penipuan dianggarkan sebanyak \$1 bilion.

### ➤ **Bayaran pampasan oleh O.J. Simpson**

Selepas O.J. Simpson didapati tidak bersalah atas dakwaan membunuh bekas isterinya, Nicole Brown Simpson dan rakannya, Ronald Goldman pada tahun 1994, keluarga si mati membuat tuntutan sivil bagi bayaran pampasan. O.J mendakwa beliau telah bankrup tidak mempunyai wang lagi.

Siasatan yang dibuat oleh akauntan forensik mendapati O.J telah menyembunyikan jutaan dollar. Akhirnya, keluarga si mati menerima pampasan \$33 juta sebagai penyelesaian kes tuntutan tersebut.

## PENUBUHAN JAWATANKUASA INTEGRITI PENGURUSAN TABUNG DAN DANA BANJIR

**PUTRAJAYA, 12 Januari** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Audit Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir (JIPTDB) bagi memastikan pengurusan dana dan tabung banjir dikendalikan dengan telus dan teratur serta bebas daripada penyelewengan dan salah laku.

Bagi maksud itu, satu Bilik Gerakan telah dibuka di Pejabat SPRM Kelantan. Bilik Gerakan ini berperanan sebagai pasukan khas yang dianggotai oleh wakil SPRM, MKN dan Jabatan Audit Negara. Pasukan Khas ini akan menerima segala aduan dan maklumat mengenai penyelewengan dan salah laku dalam pengurusan dana dan tabung banjir.

Orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan ini menerusi talian 019-2849134, 019-2849234 atau 019-2849389. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Datuk Mustafar bin Ali. Ia turut dianggotai oleh wakil MKN dan Jabatan Audit Negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed berkata, inisiatif dan kolaborasi sebegini perlu dicontohi oleh jabatan-jabatan lain.

“Inisiatif ini adalah hasil usaha MKN dan merupakan permintaan MKN sendiri,” jelasnya lagi.

Beliau juga berkata, jawatankuasa ini akan menjadi satu saluran bagi masyarakat melaporkan sebarang aduan mengenai salah laku dalam pengurusan bantuan kepada mangsa banjir.

Selain membantu kerajaan dalam memastikan pengurusan tabung dan dana yang telus dan teratur serta sampai kepada mangsa-mangsa banjir, jawatankuasa ini turut akan mengkaji dan mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian dan pengurusan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Dalam pada itu, Setiausaha MKN, Datuk Mohamed Thajudeen bin Abdul Wahab menjelaskan jawatankuasa ini juga akan memantau tabung atau dana banjir yang

diterajui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Audit Negara (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan), Datuk Anwari bin Suri. Menurut Datuk Anwari, Jabatan Audit akan melaksanakan ‘*compliance auditing*’ bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur dan peraturan yang berkuat kuasa.



*Tan Sri Abu Kassim, Datuk Mohamed Thajudeen dan Datuk Anwari bersama dokumen penubuhan Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir*

## CSR : SPRM LANCAR MISI PASCA BANJIR Kurangkan Beban Mangsa

**KUALA LUMPUR, 9 Januari** - Seramai 150 sukarelawan yang terdiri daripada warga kerja Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil bahagian dalam misi bantuan pasca banjir anjuran SPRM.

Misi bantuan ini memberi fokus untuk membersihkan beberapa buah sekolah di negeri-negeri yang terlibat dalam tragedi banjir paling buruk dalam sejarah negara iaitu di sekitar negeri Pahang dan Kelantan. Selain itu, misi ini juga turut membantu membersihkan rumah kediaman pegawai, kakitangan dan orang awam yang menjadi mangsa kepada tragedi ini.

Pasukan sukarelawan ini disertai oleh kadet yang mengikuti program latihan asas pegawai siasatan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), sukarelawan Bahagian Pendidikan Masyarakat, ibu pejabat SPRM dan sukarelawan Pusanita SPRM.

Misi bantuan kemanusiaan ini juga menerapkan nilai kemasyarakatan selain aspek penguatkuasaan yang ditekankan dalam tugas harian pegawai SPRM.

Selain menyampaikan bantuan barang-barang keperluan asas, misi bantuan kemanusiaan pasca banjir ini merupakan tanda sokongan moral SPRM kepada mangsa-mangsa banjir .

Khidmat sukarelawan ini merupakan misi kedua SPRM dalam tempoh dua minggu. Misi kali ini yang dilaksanakan selama tiga hari bermula hari ini diketuai oleh Pengarah MACA, Datuk Abdul Wahab bin Abdul Aziz.

Kata Datuk Abdul Wahab, pasukan sukarelawan akan membersihkan sekolah dan melawat ke tempat-tempat yang dilanda musibah banjir.

Kira-kira 38 keluarga pegawai SPRM di Pahang, Terengganu dan Kelantan berhadapan dengan musibah banjir yang mengakibatkan kerugian keseluruhan dianggarkan lebih kurang RM250,000.





## KUNJUNGAN HORMAT SPRM PULAU PINANG Ke Pejabat Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM), Pulau Pinang

**PULAU PINANG** – SPRM Pulau Pinang mengadakan dua kunjungan hormat ke pejabat Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM). Program ini juga adalah bertujuan meraih sokongan dan keterlibatan daripada sektor politik dalam usaha membanteras rasuah.

Dalam kunjungan hormat pada 7 dan 13 Januari 2015, SPRM mengambil peluang menjelaskan mengenai kuasa dan bidang tugas SPRM, cara menyalurkan maklumat, isu-isu semasa, intipati kesalahan rasuah dan membincangkan bentuk kerjasama dalam program pencegahan rasuah.

Kunjungan hormat ke CAP dihadiri oleh Pengarah SPRM Pulau Pinang, Dato' Samarajoo Manikam, Presiden CAP, SM Mohamed bin Idris dan Pegawai Pendidikan CAP, N.V Subbarow. Manakala ke pejabat PGRM pula, enam orang hadir iaitu Dato' Samarajoo Manikam, Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang merangkap Pengerusi PGRM Pulau Pinang, Encik Oh Tong Keong dan tiga orang pegawai SPRM Pulau Pinang.

Kunjungan hormat ini mendapat reaksi positif daripada kedua-dua pihak dan berharap agar satu kerjasama dapat dilakukan bagi meningkatkan kesedaran mengenai rasuah dan kesannya.

## MELAKA Negeri Pertama Lancar Sahabat Anti Rasuah

**ALAI, 14 Februari** – Mengambil kira peranan setiap anggota masyarakat dalam usaha pencegahan rasuah, Kerajaan Negeri Melaka mengambil inisiatif menggerakkan rangkaian kerjasamanya dengan melancarkan 'Sahabat Anti Rasuah' peringkat negeri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris bin Haron berkata usaha pencegahan rasuah tidak hanya menjadi tanggungjawab SPRM atau sektor awam semata-mata tetapi turut membabitkan penyertaan pertubuhan belia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pelajar dan masyarakat.

Katanya strategi 'Merakyatkan SPRM' ini diperkukuhkan dengan pelaksanaan aktiviti *engagement* atau libat urus khususnya dengan keterlibatan NGO dan sektor politik dalam aktiviti pencegahan.

"Hari ini kerajaan negeri melancarkan Sahabat Anti Rasuah Peringkat Negeri Melaka sebagai salah satu bukti kesungguhan Kerajaan Negeri Melaka dalam menzahirkan komitmen untuk menangani rasuah di negeri ini.

"Pendekatan ini adalah salah satu contoh kerajaan negeri menyahut seruan 'Merakyatkan SPRM' dengan fokus menggerakkan golongan belia yang berpotensi sebagai ejen perubahan dalam usaha membanteras gejala rasuah di negara ini," katanya dalam majlis pelancaran yang diadakan di pejabat SPRM Melaka.

Menurutnya, pelancaran Sahabat Anti-Rasuah boleh diperluaskan dengan mencontohi program Rakan Cops yang telah dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM, Datuk Mustafar bin Ali dalam ucapannya di majlis yang sama berkata, "Melaka merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan Sahabat Anti Rasuah melibatkan golongan belia untuk bersama-sama SPRM dan kerajaan negeri bagi memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kedudukan."

"Kepimpinan golongan belia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang ini adalah sebagai 'mata dan telinga' ke arah menjayakan usaha pencegahan rasuah terutamanya berkaitan aspek pendidikan.

"Ini kerana strategi pencegahan rasuah dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan dan ini merupakan salah satu pendekatan yang boleh dicontohi," katanya.

Dianggarkan seramai 300 orang terdiri daripada pelbagai pertubuhan belia, wakil NGO, pihak swasta, wakil pelajar daripada institusi pengajian tinggi (IPT) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) serta Institut Pendidikan MARA (IPMa) menghadiri Program Merakyatkan SPRM Bersama Belia/NGO/Swasta Negeri Melaka 2015 ini.

Turut hadir, pegawai kanan dan anggota Exco kerajaan negeri.

Selain itu, satu forum bersama Presiden Majlis Gabungan Belia Malaysia (MGBM), Mohd Ridhwan bin Mohd Ali Rustam, Ustaz Rahimin bin Bani dari Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan wakil dari Jabatan Peguam Negara turut diadakan.



## SPRM JOHOR

### Bersama NGO dan Komuniti Taman Universiti, Skudai

**JOHOR BAHRU, 13 Januari** - Selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM', program bersama NGO dan Komuniti Taman Universiti, Skudai, Johor telah diadakan di Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid, Taman Universiti, Skudai.

Objektif utama program adalah untuk menerangkan kepada masyarakat tentang peranan sebenar SPRM, meningkatkan kesedaran tentang bahaya rasuah dan memberi pemahaman mengenai tafsiran rasuah berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Taklimat disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato Zakaria bin Jaffar.

Seramai 300 tetamu yang terdiri daripada ahli Persatuan Usahawan Malabaer Muslim Negeri Johor (PUMMNJ), Majlis Penyelaras Gabungan Melayu Negeri Johor, Pertubuhan Penyatuan Pembelaan Melayu Malaysia (PPPMM) dan kakitangan SPRM Johor. Turut hadir dalam program ini, Timbalan Pengarah SPRM Johor, KPKPj Azmi bin Alias, Pengarah Bahagian Keselamatan SPRM, KPKPj Alias bin Salim dan Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan, KPKPj Muhamad Salim Sundar bin Abdullah.

Maklum balas yang diterima daripada audiens sangat memberangsangkan dan sedikit sebanyak berjaya meningkatkan kefahaman mereka mengenai SPRM, jenayah rasuah dan kesan-kesan buruk terhadap pelakuan rasuah.

## SPRM - NSTP

### Meterai MoU Program Latihan Silang

**KUALA LUMPUR, 19 Januari** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Penempatan Silang bagi membolehkan tenaga kerja kedua-dua organisasi ini mengikuti latihan secara bersilang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed berkata, MoU ini diadakan untuk mewujudkan kerjasama perkongsian pengetahuan dan kepakaran selaras dengan usaha pembangunan modal insan pegawai ke arah peningkatan kompetensi dan budaya berprestasi tinggi.

Di bawah program ini, pegawai-pegawai SPRM dan NSTP akan mengikuti latihan mulai Mac 2015. Setiap pegawai akan ditempatkan selama tiga bulan.

Kata Tan Sri Abu Kassim, beliau yakin pegawai dari SPRM dan NSTP akan memperoleh manfaat yang luas memandangkan tugas pegawai SPRM dan wartawan mempunyai kesamaan. Latihan yang diterima dapat melengkapkan lagi pengetahuan yang sedia ada dalam bidang tugas masing-masing.

"Melalui program penempatan silang ini, wartawan akan didedahkan kepada prosedur siasatan, batasan dan implikasi undang-undang. Pegawai SPRM pula boleh mempelajari ilmu pengetahuan dalam

mempromosikan SPRM serta menghebahkan maklumat yang perlu demi kepentingan rakyat," kata beliau dalam ucapan alu-aluan pada Majlis Menandatangani MoU Program Penempatan Silang di Balai Berita, NSTP, Bangsar.

Bagi pihak SPRM, MoU ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali. Manakala NSTP pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Mohammad Azlan bin Abdullah.

Pengerusi NSTP, Tan Sri Mohamed Jawhar bin Hassan yang juga ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah SPRM juga yakin bahawa inisiatif ini dapat meningkatkan kapasiti dan kemampuan kempen mencegah jenayah rasuah dengan lebih efektif dan komprehensif.

Beliau berkata, kerjasama ini akan mengeratkan lagi hubungan SPRM dan NSTP.

Majlis menandatangani MoU disaksikan oleh Tan Sri Abu Kassim, Pengerusi Media Prima Berhad, Tan Sri Johan bin Jaaffar yang juga Pengerusi Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Jawhar dan Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil bin Hamid.

*Majlis menandatangani MoU disaksikan oleh Tan Sri Abu Kassim, Tan Sri Johan, Tan Sri Jawhar dan Datuk Abdul Jalil pada 19 Januari 2015 di Balai Berita, NSTP, Bangsar.*





# Huawei Malaysia Tandatangani CIP Bersama SPRM

**CYBERJAYA, 28 Januari** – Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai salah satu inisiatif syarikat tersebut dalam mempromosikan agenda pencegahan rasuah dan integriti perniagaan di negara ini.

Pada majlis yang diadakan di Pusat Latihan Global Huawei, Ketua Pengarah Eksekutif Huawei Malaysia, Abraham Liu telah menandatangani ikrar integriti korporat mewakili syarikat berkenaan dengan disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali.

Datuk Mustafar ketika memberi ucapan tama pada majlis berkenaan mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh Huawei itu dan mengumumkan syarikat berkenaan sebagai syarikat dari negara China pertama yang memeterai komitmennya terhadap Prinsip Integriti dan Anti Rasuah.

“Dengan menandatangani ikrar ini, Huawei secara sukarela telah mengambil langkah pertama untuk melaksanakan program jangka panjang untuk merangka sistem yang efektif meningkatkan integriti melalui amalan tadbir urus yang baik termasuk pendekatan anti

rasuah,” katanya.

Abraham Liu berkata, prinsip perniagaan yang beretika merupakan salah satu perkara yang dititikberatkan dalam strategi perniagaan



*CIP ditandatangani oleh Datuk Mustafar (SPRM) dan Abraham Liu (Huawei) pada 28 Januari 2015 di Pusat Latihan Global Huawei, Cyberjaya*

Paul Low turut memuji tindakan kerajaan negeri itu dalam menyatakan komitmen terhadap integriti.

**“Ia menunjukkan kekuatan politik dan komitmen kepimpinan negeri ini kerana ikrar ini umpama janji mereka kepada rakyat. Setakat ini, Sarawak merupakan negeri pertama di mana ahli Kabinet menandatangani Ikrar Integriti,”** katanya.

Sementara itu, Datuk Mustafar yang turut menyambut baik tindakan Kerajaan Negeri Sarawak berkata, ia menunjukkan komitmen tertinggi kerajaan negeri dalam memastikan tadbir urus baik dalam penyampaian perkhidmatan awam, khususnya yang diterajui menteri dan ahli politik.

## Tandatangan Ikrar Integriti : Sarawak Jadi Negeri Pertama

**KUCHING, 15 Januari** – Barisan Menteri Kabinet Negeri Sarawak hari ini menzahirkan komitmen kepimpinan negeri itu ke arah pentadbiran yang berintegriti dengan menandatangani Ikrar Integriti. Kerajaan Negeri Sarawak menjadi kerajaan negeri pertama menandatangani Ikrar Integriti.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan bin Satem mengetuai upacara menandatangani Ikrar Integriti yang turut disertai 26 anggota Kabinet dan Menteri Muda pada majlis yang diadakan di Wisma Bapak Malaysia.

Majlis berkenaan disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paul Low Seng Kuan dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mustafar bin Ali.

Tan Sri Adenan yang mengetuai Kerajaan Negeri Sarawak sejak awal tahun lalu berkata, sebelum ini beliau sering ditanya mengenai kesediaan pentadbiran negeri Sarawak untuk menandatangani Ikrar Integriti.

Justeru kata beliau, ini merupakan masa yang sesuai di mana salah satu tindakan pertama yang akan dilaksanakan ialah pengisytiharan harta oleh barisan pentadbirannya.

“Ini adalah harinya di mana ikrar ini membuktikan keikhlasan dan kejujuran kami dalam menjalankan pentadbiran kerajaan negeri ini. Mungkin ada yang menganggap ia hanya untuk menunjuk tetapi jangan menghukum kami terlalu awal kerana ini adalah tindakan pertama kami (ke arah pentadbiran berintegriti),” katanya pada sidang media selepas taklimat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) kepada anggota Kabinet negeri itu.

Menurutnya, kesemua anggota Kabinet Sarawak akan membuat tindakan pengisytiharan harta dengan menghantar data peribadi berkaitan pendapatan dan harta mereka kepadanya secepat mungkin.

### Ikrar Integriti terdiri daripada perkara berikut:

1. *Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;*
2. *Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada gejala rasuah;*
3. *Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika pentadbiran Kerajaan Negeri;*
4. *Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah;*
5. *Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej kementerian, jabatan dan agensi perkhidmatan awam;*
6. *Mematuhi sepenuhnya kod etika kementerian dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas; dan*
7. *Melaksanakan sepenuhnya terma rujukan yang ditetapkan dalam Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Kementerian secara bersepadu dan berterusan.*

**JANGAN GENTAR,  
LAPORKAN RASUAH**



**ANDA DILINDUNGI**

**AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010  
Dan AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009**



Bebas • Telus • Profesional

E-mel : [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
SMS : 019 6000 696  
Talian bebas Tol : 1 800 88 6000

**Anda**

Boleh Lakukan Perubahan

**PERANGI  
Rasuah**